

**UCAPAN ALUAN**  
**YANG BERUSAHA IR HAJAH ROSNANI HAJI MAHMOD**  
**SETIAUSAHA PERBANDARAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**FOREST BATHING SIRI KETIGA 2019**  
**HARI SABTU, 29 JUN 2019, 7.30 PG**  
**HUTAN PAYA BAKAU, SUNGAI ACHEH**

---

**Yang Berhormat Encik Zulkifli bin Ibrahim**  
ADUN Sungai Acheh

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum dan selamat pagi diucapkan kepada, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Encik Zulkifli Ibrahim, Ahli Dewan Undang Negeri Sungai Acheh yang sudi bersama kita pada pagi ini. Terima kasih juga kepada semua yang hadir pada program hari ini.

Tuan – tuan dan Puan-puan

Pelaksanaan program Eco Therapy melalui Forest Bathing ini adalah sejajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu ‘Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang’. Program Eco-Therapy melalui program Forest Bathing kali ini merupakan siri ketiga bagi tahun 2019.

Sebelum ini kita telah menjalankan program ini di Taman Rekreasi Bukit Indah (SPT) dan Bukit Langkap / Suling Hill (SPT). Jadi pada lokasi kali ini kita telah memilih Hutan Paya Laut, Sungai Achech bagi daerah Seberang Perai Selatan.

Tuan – tuan dan Puan – puan,

Forest Bathing membawa maksud menghirup udara segar di hutan dan diperkenalkan di negara Jepun sekitar tahun 1980an sebagai “Shirin-Yoku”. Ianya merupakan satu aktiviti riadah ringkas yang melibatkan lawatan singkat dan santai ke kawasan hutan hijau sedia ada.

Kelainan yang dibawa pada siri kali ini ialah tuan / puan akan menghirup udara segar di dalam hutan paya laut. Kawasan ini terletak di Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut yang diselia oleh Penang Inshore Fishermen's Welfare Association (PIFWA). Bangunan PIFWA ini dibina oleh ahli PIFWA secara bergotong-royong dan dana pembinaan disumbangkan oleh UNDP Small Grant Project. Pembinaan pusat pendidikan ini disokong oleh semua agensi kerajaan dan bukan sahaja menjadi pusat aktiviti penduduk setempat dan PIFWA, malah menjadi pusat pendidikan kepada para pelajar.

Hari ini, tuan-tuan dan puan-puan akan merasai pengalaman di hutan paya bakau dengan berjalan di atas laluan titi sepanjang 300 kaki. Laluan titi ini disumbangkan oleh pelbagai pihak swasta dan NGO. Pengerusi PIFWA, iaitu Encik Ilias bin Shafie akan berkongsi pelbagai info dan maklumat menarik sepanjang program kita pada pagi ini.

Tuan –tuan dan puan-puan,

MPSP akan terus merencana program yang bukan sahaja memberi manfaat dari segi kesihatan malah menambahkan ilmu pengetahuan dan memberi kesedaran dalam kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Semoga program pada pagi ini akan memberi faedah kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.